

**TEKS UCAPAN REKTOR SEMPENA MAJLIS
MAULIDUR RASUL PERINGKAT KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN
TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA I
MALAYSIA (KUTKM)**

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,
Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH,
TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK DAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI
PENGANTARABANGSAAN) TEMPAT:
DEWAN JUKEBOX, BANGUNAN CANSELORI
KAMPUS INDUSTRI, KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)
MOHAMAD DIAH,

TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN & ALHAMDULILLAH KITA BERSYUKUR KE HADRAT
PENGKOMERSILAN / INOVASI) & ALLAH S.W.T KERANA DENGAN LIMPAH KURNIANYA
TARIKH : PAT KITA BERKUMPUL BAGI MENYAMBUT SATU
14 APRIL 2006 PERISTIWA PENTING DI DALAM KALENDAR

TEKS UCAPAN REKTOR SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT KUTKM PADA 14 APRIL 2006, JAM 2.30 PETANG BERTEMPAT DI DEWAN JUKEBOX, BANGUNAN CANSELORI, KAMPUS INDUSTRI.

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS,

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH,

TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK DAN PENGANTARABANGSAAN)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH,

TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN & PENGKOMERSILAN / INOVASI)

Y.BHG DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN

DEKAN HAL EHWAL PELAJAR

YANG DIHORMATI TUAN PENCERAMAH

EN. SHAH KIRIT BIN KAKULAL GOVINDJI

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI

ASSALAMUALAIKUM WRB. WBKTH

DAN DIHAYATI SEKRANYA KITA TIDAK BERAMAL DENGANNYA. KEINDAHAN ISLAM MENCAKUPI ALHAMDULILLAH KITA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN LIMPAH KURNIANYA DAPAT KITA BERKUMPUL BAGI MENYAMBUT SATU LAGI PERISTIWA PENTING DI DALAM KALENDAR ISLAM IAITU MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL

PERINGKAT UNIVERSITI PADA TAHUN INI. SELAWAT DAN SALAM KEPADA JUNJUNGAN BESAR KITA NABI MUHAMMAD S.A.W, PENGHULU SEGALA RASUL, PEMBAWA RAHMAT SEKALIAN ALAM.

PADA SETIAP 12 RABIUL AWAL KITA MENGADAKAN MAJLIS MEMPERINGATI KELAHIRAN NABI MUHAMMAD S.A.W INI ADALAH SEBAGAI TANDA KITA MENZAHIRKAN KASIH DAN SAYANG SERTA SANJUNGAN KITA TERHADAP BAGINDA S.A.W. DENGAN MENGINGATI BAGINDA DAN MENYAMBUT MAULIDUR RASUL, UMAT ISLAM SELURUH DUNIA KHUSUSNYA DI KUTKM INI SEBENARNYA MEMPERBAHARUI AZAM UNTUK MENGEMBANGKAN AGAMA ISLAM YANG SUCI INI.

TUAN/PUAN YANG DIRAHMATI ALLAH

AGAMA ISLAM YANG DISAMPAIKAN OLEH RASULULLAH S.A.W ADALAH ADDIN ATAU CARA HIDUP YANG MENYULUH KEGELAPAN MANUSIA DENGAN MENTAUHIDKAN DIRI KEPADA ALLAH S.W.T. SESUNGGUHYA KELAHIRAN RASULULLAH S.A.W ADALAH RAHMAT KEPADA SEKALIAN ALAM SEPERTI FIRMAN ALLAH S.W.T DALAM SURAH AL-AMBIAK AYAT 107 YANG BERMAKSUD "DAN TIADALAH KAMI MENGUTUSKAN ENGKAU (WAHAI MUHAMMAD) MELAINKAN UNTUK MENJADI RAHMAT BAGI SEKALIAN ALAM"

KEINDAHAN AGAMA ISLAM TIDAK DAPAT DIRASAI DAN DIHAYATI SEKIRANYA KITA TIDAK BERAMAL DENGANNYA. KEINDAHAN ISLAM MENCAKUPI SEGALA ASPEK KEHIDUPAN MANUSIA SEPERTI AKIDAH, IBADAH, MUAMALAT, AKHLAK, PERUNDANGAN, ILMU DAN BERBAGAI LAGI. SEKIRANYA KITA MENGAMALKAN CARA HIDUP

ISLAM SEPENUHNYA, INSAYAALLAH UMAT ISLAM AKAN MENJADI UMAT YANG TERMAJU.

TUAN/PUAN YANG DIRAHMATI ALLAH

PADA SAMBUTAN MAAL HIJRAH PERINGKAT UNIVERSITI YANG LALU SAYA TELAH MEMPERKATAKAN BAHAWA, SEBAGAI SEORANG STAF KITA PERLU MELAKUKAN PENGHIJRAHAN MINDA SUPAYA LEBIH MAJU KE HADAPAN BAGI MENYAHUT CABARAN PENDIDIKAN DI ALAF BARU. KITA PERLU MENGEMBALIKAN PENGHORMATAN DUNIA TERHADAP UMAT ISLAM DENGAN MENGUASAI ILMU DUNAIWI DAN UKHRAWI. UNTUK ITU KITA PERLU MENJADI SEORANG YANG INTELEK SERTA MENJADI SUMBER RUJUKAN KEPADA SEMUA CABANG ILMU SEPERTI YANG PERNAH UMAT ISLAM LAKUKAN.

PADA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL KALIINI MARILAH KITA BERSAMA-SAMA MELIHAT BAGAIMANAKAH SIFAT DAN KEPERIBADIAN RASULULLAH S.A.W BOLEH MEMBERI KEKUATAN KEPADA KITA UNTUK MEMPERBAIKI DIRI BAGI MENCAPAI KEMAJUAN UNIVERSITI SEPERTI YANG KITA WAR-WARKAN.

TUAN/PUAN YANG DIRAHMATI ALLAH

RASULULLAH S.A.W TELAH MENJADI CONTOH KEPADA KEHIDUPAN SEBENAR SEORANG MUSLIM. SIFAT-SIFAT KENABIAN BAGINDA IAITU SIDIQ (BENAR), AMANAH, TABLIGH (MENYAMPAIKAN) DAN FATANAH (BIJAKSANA) PERLU MENJADI CONTOH DAN TAULADAN KEPADA SELURUH UMAT ISLAM.

SEHUBUNGAN ITU, DI KESEMPATAN KALI INI SAYA INGIN MENEKANKAN MENGENAI KEPENTINGAN

SIFAT AMANAH. AMANAH ADALAH SIFAT YANG PERLU ADA PADA SETIAP UMAT ISLAM TERUTAMANYA DALAM PEKERJAAN. TANPA SIFAT AMANAH SESEORANG ITU TIDAK DAPAT MELAKSANAKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWABNYA DENGAN BAIK. MALAH STAF YANG TIDAK AMANAH AKAN MENJADI PEROSAK KEPADA ORGANISASI.

DENGAN AMANAH UNTUK LAHIRKAN GRADUAN YANG MEMPUNYAI AMANAH ITU BERERTI MENEMPATKAN SESUATU ITU PADA TEMPATNYA YANG WAJAR SUPAYA KITA MAMPU MENUNAIKAN TUGAS DAN KEWAJIPAN DENGAN BENAR. AMANAH ADALAH SATU HAK YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN KEPADA SESEORANG SAMA ADA TANGGUNGJAWAB ITU MILIK ALLAH MAHUPUN MANUSIA YANG BERUPA PEKERJAAN MAHUPUN PERKATAAN.

BAGI MEMENUHI ERTI AMANAH MAKA KITA PERLU BERLUMBA-LUMBA MENUNAIKAN TUGAS DAN

TANGGUNGJAWAB DENGAN TEGAS DAN BERSUNGGUH-SUNGGUH. STAF YANG AMANAH AKAN MENYEMPURNAKAN PEKERJAANNYA DENGAN SEBAIK MUNGKIN. AMANAH AKAN MENJADIKAN SESEORANG MELAKUKAN KERJA DENGAN IKHLAS DAN SENTIASA MEMPERHATIKAN HAK AWAM KEPADANYA. MEREKA TIDAK MEMANDANG RINGAN TERHADAP SESUATU TUGAS YANG TELAH DIARAHKAN, MALAH MELAKUKAN AMANAH TERSEBUT LEBIH DARIPADA JANGKAAN.

ADAKAH KITA TELAH MELAKUKAN AMANAH SESEORANG YANG AMANAH DI DALAM PEKERJAAN, BERKERJA UNTUK MENCARI KEREDHAAN ALLAH. PEKERJAAN YANG DILAKUKAN TIDAK MENGEJAR KEPADA PANGKAT DAN IMBUHAN. APATAH LAGI SESEORANG YANG AMANAH AMAT TAKUT UNTUK MENERIMA RASUAH. MEREKA AKAN SENTIASA MENJAGA RAHSIA ORGANISASI DENGAN SEBAIK MUNGKIN BAGI MENGELAK PENYELEWENGAN. INILAH KEINDAHAN

ISLAM YANG DISAMPAIKAN OLEH RASULULLAH S.A.W.

TUAN/PUAN YANG DIRAHMATI ALLAH

KUTKM ADALAH ORGANISASI PEMBELAJARAN YANG DITUBUHKAN DENGAN AMANAH UNTUK MELAHIRKAN GRADUAN YANG MEMPUNYAI KREDIBILITI DI DALAM ASPEK AKADEMI DAN PERSONALITI. SELAIN DARI ITU KITA JUGA BERTANGGUNGJAWAB BAGI MENGANGKAT MARTABAT NEGARA DALAM BIDANG PENDIDIKAN SEPERTI DALAM BENTUK PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN ILMU. MAKA TANGGUNGJAWAB INI MENJADI AMANAH YANG PERLU DIPENUHI BERSAMA.

AMANAH INI MENUNTUT KEPADA PENGORBANAN MASA DAN TENAGA SEMUA STAF TIDAK KIRA APA

JAWATAN DAN KUMPULAN SEKALIPUN JIKA KITA BERHASRAT UNTUK MELETAKKAN KUTKM SEBAGAI UNIVERSITI YANG BERWIBAWA DAN DIHORMATI. PADA SAMBUTAN MAULIDUR RASULINI MARILAH KITA MENGINSAFI DIRI SERTA MERENUNG UNTUK MEMPERBAIKI DIRI.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

ADAKAH KITA TELAH MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB MASING-MASING DENGAN BAIK SEPERTI YANG TELAH DIAMANAHKAN? APABILA KITA TELAH DILANTIK SEBAGAI KETUA, APAKAH KITA TELAH MELAKSANAKAN AMANAH TERSEBUT DENGAN BAIK?. BEGITU JUGA APABILA KITA TELAH DILANTIK MENJADI PENSYARAH, ADAKAH KITA TELAH MELAKSANAKAN AMANAH MENDIDIK ANAK BANGSA DENGAN SEBAIK MUNGKIN? ADAKAH SEORANG PENOLONG PENDAFTAR TELAH

BERUSAHA MELAKSANAKAN TUGASNYA DENGAN CEKAP? AN MAULIDUR RAJA, PADA HARI INI

PERINGATAN KITA KEPADA PERJUANGAN

SEMUA PERSOALANINI PERLU DIJAWAB DENGAN HATI YANG JUJUR SERTA TERBUKA. KEMAJUAN UNIVERSITI ADALAH SATU AMANAH BESAR. SETIAP PADA KITA AKAN DIPERSOALKAN TENTANG AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB YANG TELAH KITA TERIMA. APABILA KITA BERSEDIA MENERIMA JAWATAN DI UNIVERSITI INI, MAKAKITA TELAH SANGGUP MENERIMA AMANAH TERSEBUT SEPERTIMANA YANG SAUDARA-SAUDARI TELAH LAFAZKANNYA MELALUI AKU JANJI.

TUAN/PUAN YANG DIRAHMATI ALLAH

SEBAGAI PENGAKHIR KATA MARILAH KITA RENUNG KISAH INI DAN TANYALAH PENGAJARANNYA PADA DIRIKITA MASIC-MASIC. TERDAPAT SATU KISAH

YANG DICERITAKAN OLEH ABDULLAH IBNU DINAR “PADA SUATU HARI, SAYA BERJALAN BERSAMA KHALIFAH UMAR AL-KHATAB DI MEKAH. WAKTU ITU SAYA BERTEMU DENGAN SEORANG BUDAK PENGEMBALA KAMBING YANG SEDANG MENGEMBALA KAMBINGNYA”.

KEMUDIAN SAIDINA UMAR BERKATA KEPADA BUDAK ITU. “JUALLAH KAMBING ITU KEPADAKU”. JAWAB BUDAK ITU “KAMBING ITU BUKAN KAMBINGKU, TETAPI KEPUNYAAN TUANKU”. KEMUDIAN SAIDINA UMAR CUBA MEMUJUK SEKALI LAGI “BUKANKAH ENGKAU DAPAT MENGATAKAN SATU DARINYA TELAH DIMAKAN SERIGALA, PASTINYA TUANMU TIDAK MENGETAHUI”. KATA BUDAK ITU “TIDAK, SAYA TIDAK MAHU, SESUNGGUHNYA ALLAH MAHA MENGETAHUI” MENDENGAR KATA-KATA ITU SAIDINA UMAR MENANGIS KERANA JUJURNYA BUDAK ITU.

KITA RENUNGKANLAH BERSAMA DAN SEMOGA
SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PADA HARI INI
MEMBERI INGATAN KITA KEPADA PERJUANGAN
RASULULLAH S.A.W UNTUK MENYEBARKAN SYIAR
ISLAM.

SAYA MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH
KEPADА SEMUA PIHAK YANG TELAH MENJAYAKAN
PROGRAMINI.

SEKIAN.

WABILLAHITAUFIK
WASALAMUALAIKUM W.B.T

WALHIDAYAH